

21 JUN 1999
Fokus-Khalil
PERPADUAN UMNO DAN PILIHAN RAYA MENCABAR KHALIL

Oleh: Ali Mamat

KUALA LUMPUR; -- Bagi Tan Sri Khalil Yaakob, perlantikannya sebagai Setiausaha Agung Umno dan Menteri Penerangan yang baru bukan suatu kalung anugerah yang disampaikan di atas dulang perak.

Perlantikan beliau dibuat ketika pilihan raya umum yang ke 10 hampir menjelang sedangkan kesan kegawatan ekonomi dan kemelut politik yang berpunca daripada pemecatan Datuk Seri Anwar Ibrahim daripada jawatan Timbalan Perdana Menteri dan Timbalan Presiden Umno September lepas terus dieksploitasi oleh parti-parti pembangkang.

Walaupun telah lulus ujian awal mengendalikan perhimpunan agung Umno 1999 dengan cemerlang beberapa hari lepas, tugas yang amat berat sedang menunggu Khalil bagi memastikan Umno khasnya dan Barisan Nasional amnya terus menerajui pemerintahan negara selepas pilihan raya itu.

Untuk itu, bekas Menteri Besar Pahang itu mesti memastikan anggota Umno kembali bersatu setelah berlaku sedikit sebanyak perpecahan ekoran pemecatan Anwar itu.

Beliau juga mestilah memastikan semua jentera kerajaan yang ada di Kementerian Penerangan, termasuk RTM dan Jabatan Penerangan bergerak pantas untuk memulih keyakinan rakyat terhadap kerajaan, yang sedikit sebanyak turut terhakis ekoran isu Anwar dan kegawatan ekonomi itu.

Khalil mengakui dua tugas barunya itu penuh dengan cabaran. Namun, beliau yakin dengan kesabaran, kerjasama semua pihak dan penggunaan strategi yang betul, BN akan terus muncul sebagai juara yang sukar ditewaskan oleh pihak lawan pada pilihan raya itu kelak.

Ini telah terbukti pada pilihan raya negeri Sabah Mac lepas apabila BN yang dianggap ramai sebagai "underdog" memperolehi kejayaan cemerlang memenangi 31 daripada 48 kerusi Dewan Undangan Negeri itu. Khalil ketika itu berperanan sebagai Pengarah Pilihan Raya Umno.

Ketika memegang jawatan Menteri Besar pula, beliau berjaya menukar imej Pahang daripada sebuah negeri yang secara tradisinya bergantung kepada sektor pertanian kepada sebuah negeri perindustrian yang paling maju di Pantai Timur Semenanjung, malah lebih maju daripada sesetengah negeri di Pantai Barat.

Khalil berjaya menarik banyak pelabur dalam dan luar negeri ke Pahang, seperti yang boleh dilihat di kawasan perindustrian Gebeng, Kuantan, estet perindustrian Temerloh dan loji pemasangan pelbagai jenis kenderaan di Pekan.

Menurut kebanyakan pemerhati, Khalil melakukan itu semua, sama ada kerja politik atau kerja membangunkan negeri, dengan tidak banyak bercakap.

Agaknya kelebihan itulah yang mendorong Perdana Menteri yang juga Presiden Umno Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad memilih Khalil sebagai ganti terbaik kepada Datuk Seri Mohamad Rahmat untuk jawatan Menteri Penerangan dan Datuk Sabbaruddin Chik untuk jawatan Setiausaha Agung Umno Mei lalu.

Khalil mengakui setiap orang yang dilantik sebagai Setiausaha Agung Umno mestilah mempunyai tahap kesabaran yang tinggi, sedia mendengar dan sanggup menerima kritikan kerana sebagai sebuah parti yang mempunyai hampir 2.8 juta anggota, ia tentunya penuh dengan pelbagai karenah.

"Alhamdulillah saya mempunyai kesabaran itu dan sedia menerima sebarang kritikan, asalkan ia yang membina," ujar Khalil yang juga seorang bekas diplomat pada satu wawancara dengan Bernama di sini baru-baru ini.

Khalil percaya perpaduan di kalangan anggota lebih mudah dipupuk kerana beliau lebih cenderung untuk turun ke padang bagi melihat dari dekat setiap

permasalahan yang berbangkit pada peringkat cawangan, bahagian dan perhubungan negeri.

"Saya lebih suka turun melihat dari dekat, daripada semata-mata menunggu laporan," tegasnya.

Menurut beliau, kalau perpaduan yang unggul dapat dipupuk di kalangan hampir 2.8 juta anggota, Umno akan dapat mewujudkan satu blok yang besar yang boleh dijadikan asas kekuatan kepada kerajaan yang tidak boleh digugat oleh sesiapa pun.

Khalil juga merancang "mengITkan" keseluruhan pentadbiran parti sejajar dengan perkembangan teknologi maklumat, dengan memastikan semua pejabat cawangan dan bahagian Umno bertalian komputer secara terus dengan ibu pejabatnya bagi mengurangkan kerja-kerja kertas dalam urusan harian, di samping memanfaatkan sepenuhnya penggunaan Internet.

Menurutnya, kakitangan yang celik komputer, sentiasa mengikuti perkembangan politik tanah air serta peka dengan dasar-dasar parti akan ditugaskan untuk menyelenggara dan mengemaskinikan laman web Umno agar segala mesej dapat disebar dan tindak balas yang segera dapat dibuat ke atas pelbagai fitnah yang dilemparkan ke atas Umno dan kerajaan, tanpa perlu merujuk ke sana ke mari sebelum bertindak.

Namun begitu, beliau yakin penerangan lisan secara profesional, umpamanya oleh kakitangan Jabatan Penerangan adalah lebih berkesan bagi menjelaskan kepada rakyat jelata tentang beberapa isu tertentu, khususnya kewajaran pemecatan Anwar, kerana ia membuka peluang untuk soal jawab.

Pun begitu, kata Khalil, adalah tidak betul tanggapan kononnya tugas menerangkan dasar-dasar kerajaan terletak sepenuhnya di atas bahu Kementerian Penerangan.

"Semua menteri adalah jurucakap kerajaan...bukan hanya Menteri Penerangan. Semua menteri, Menteri Besar dan tokoh-tokoh penting negara wajar diberi ruang secukupnya di TV untuk menerangkan dasar-dasar kerajaan," katanya.

Walau apapun, Khalil percaya di sebalik kemelut yang berpunca daripada pemecatan Anwar, kesetiaan orang Melayu terhadap Umno dan kepimpinan negara tetap tidak terhakis kerana mereka tidak akan sanggup kehilangan kuasa politik hanya semata-mata kerana satu isu.

"Jika Umno kehilangan kuasa, negara pasti kucar kacir dan segala keistimewaan, kesenangan dan kebebasan yang dinikmati orang Melayu selama ini termasuk di bidang keagamaan, pendidikan, ekonomi, perumahan dan peluang pemilikan tanah akan turut hilang," katanya.

Khalil mengingatkan, sebelum inipun telah ada kalangan yang mencabar dasar Umno dan kerajaan berhubung pengagihan milik tanah kepada orang Melayu seperti yang dibuat menerusi Felda.

Khalil berkata orang Melayu tidak boleh mengharapkan PAS untuk menerajui pemerintahan negara kerana ia bukan saja tidak dapat melaksanakan janji untuk mewujudkan sebuah pentadbiran Islam di negeri yang dikuasainya iaitu Kelantan, tetapi juga gagal membangunkan negeri itu.

Khalil mendakwa, rancangan PAS untuk membuka keahliannya kepada orang bukan Melayu membuktikan ia telah terperangkap dengan isu kafir mengkafir yang dijajanya selama ini dan satu helah politik untuk membolehkan calon-calonnya bertanding di kawasan bukan Melayu.

Pada wawancara itu Khalil turut menyentuh secara ringkas prospek masa depan pembangunan negeri-negeri di Pantai Timur Semenanjung, khususnya Pahang dan Terengganu.

Katanya, walaupun telah berjaya sedikit sebanyak membawa pembangunan ke Pahang sewaktu menjadi Menteri Besar, beliau terpaksa meninggalkan negeri itu untuk memegang jawatan baru dalam keadaan masih belum berjaya melakukan lebih banyak untuk faedah negeri-negeri Pantai Timur keseluruhannya.

Menurutnya, beliau terkilang kerana tidak sempat melihat rancangan

kerajaan pusat hendak mewujudkan rangkaian rel keretapi dari Pantai Barat ke Pahang dan Terengganu serta Lebuhraya dari Karak di Pahang ke Besut di Terengganu, menjadi kenyataan.

Katanya, keretapi dan lebuhraya merupakan dua infrastruktur yang paling penting dalam merangsang pertumbuhan lebih banyak industri serta pusat-pusat pembangunan baru.

Beliau hairan kenapa pembinaan lebuhraya berkenaan masih tertangguh sedangkan negeri Pahang dan Terengganu berupaya menyediakan modal sekiranya turut diberi peranan dalam pakej pembinaannya.

"Terengganu dengan kekayaan minyak dan gasnya manakala Pahang dengan enam syarikat besarnya yang disenaraikan di Bursa Saham tentu berupaya mencari sumber kewangan pada bila-bila masa," ujar beliau.

Khalil juga mengulas secara umum pemerhatian sesetengah pihak bahawa Pahang lebih pesat membangun daripada Terengganu walaupun sumber hasilnya tidak seberapa.

"Saya selalu kata kalau kita hendak tarik pelabur ke Pantai Timur kita hendaklah susun strategi bersama. Saya berharap generasi pemimpin negeri-negeri Pantai Timur yang akan datang hendaklah berfikir dan bertindak secara global demi kepentingan bersama," katanya.

Untuk itu, katanya, adalah penting setiap delegasi galakan pelaburan ke luar negeri disertai bersama oleh wakil negeri-negeri itu.

"Dalam kes Pahang, "power of persuasion" mungkin turut membantu kejayaan yang telah dicapainya setakat ini," kata Khalil mengakhiri wawancara itu.

-- Bernama

AM